

NO SOALAN : 8

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHYA
(TASEK GELUGOR)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah keberhasilan yang telah dicapai oleh Kerajaan menerusi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 2.0 dengan pemantapan modul baharu setakat satu tahun tempoh transformasi pelaksanaannya bermula tahun 2016.

JAWAPAN:

Keberhasilan pelaksanaan PLKN 2.0 diukur menerusi penambahbaikan modul-modul baharu bagi Fasa Pertama yang bersifat komprehensif khususnya bagi meningkatkan semangat patriotisme dan kesukarelaan, memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional, pembentukan perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni serta melahirkan generasi muda yang lebih cerdas, cergas dan berkeyakinan diri. Lapan modul tersebut termasuklah *Fit For Life*, *Service Learning*, *i-Upgrade*, *Be Safe Be Alert*, *Tech-Talk*, *Malaysiaku*, *MyFuture* dan Kerohanian. Bagi Fasa Kedua pula, kemahiran teknikal pelatih dapat dipertingkatkan menerusi penyediaan kursus-kursus peringkat sijil dan diploma yang diiktiraf.

PLKN 2.0 dijalankan secara dua (2) fasa. Pada Fasa Pertama, pelatih akan menjalani latihan di kem-kem PLKN seluruh Malaysia selama lapan (8) minggu di mana Modul Program Pembelajaran Bersepadu dilaksanakan. Pada Fasa Kedua, pelatih-akan menjalani latihan kemahiran di institut-institut latihan kemahiran awam dan juga swasta yang mengambil tempoh 3 bulan ke 3 tahun, bergantung kepada kursus-kursus yang ditawarkan. Untuk latihan ke Fasa

Kedua, semua pelatih yang menamatkan Fasa Pertama telah diberi tawaran untuk mengikuti latihan di Fasa Kedua.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

SOALAN : NO. 9

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi tujuan pemantauan terhadap kegiatan militan di kalangan pelajar IPT dari luar negara serta apakah cadangan Kementerian supaya pemantauan dilakukan secara berkesan agar kegiatan sedemikian tidak menular.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang serius dan peka terhadap kegiatan militan yang melibatkan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia. Bagi memastikan pelajar antarabangsa yang masuk ke negara kita adalah pelajar yang mempunyai latarbelakang yang baik, sistem saringan pelajar merangkumi saringan akademik dan keselamatan telahpun dijalankan oleh pihak *Education Malaysia Global Services* (EMGS) di bawah KPT dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

KPT dari masa ke semasa turut mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta agensi penguatkuasa yang lain bagi memastikan kebajikan dan keselamatan pelajar IPT terjamin disamping memberikan suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

Dalam usaha mengekang penularan pengaruh kumpulan militan di kalangan pelajar IPT, KPT telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (a) Meningkatkan sesi keterlibatan (*engagement*) melalui taklimat dan dialog dengan PDRM serta agensi-agensi penguatkuasa yang lain;
- (b) Memberi penjelasan mengenai aktiviti militan dalam program-program yang melibatkan pelajar di IPT;
- (c) Meningkatkan tahap tapisan keselamatan untuk kemasukan para pelajar dan tenaga pengajar asing; dan
- (d) Memantapkan prosedur keselamatan sedia ada di peringkat IPT sebagai langkah pencegahan awal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, EMGS telah membangunkan satu mekanisme pemantauan dan pengurusan kemasukan pelajar antarabangsa ke IPT Malaysia dengan cekap dan berkesan melalui sistem aplikasi dikenali sebagai *Students Application and Registration System* (STARS). STARS merupakan sebuah aplikasi permohonan visa atas talian yang mampu untuk mengumpul maklumat yang komprehensif dan terkini.

EMGS secara konsisten mampu untuk menyalurkan maklumat tersebut kepada agensi kawal selia yang berkenaan untuk rujukan dan tindakan pada kadar serta merta. Maklumat yang dibekalkan adalah terpelihara. Akses kepada STARS juga diberikan kepada JIM untuk tujuan penyaringan permohonan visa oleh pelajar antarabangsa sebelum seseorang pelajar asing memasuki negara atau diberikan pas pelajar oleh JIM. Akses STARS juga diberikan kepada PDRM bagi tujuan siasatan dan pemantauan.